

20/08/1997

## Pusat ala Putrajaya di Kuching

KUCHING, Selasa - Sebuah pusat pentadbiran ala Putrajaya, yang menempatkan semua kementerian dan agensi Persekutuan, akan dibina di Sarawak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pusat pentadbiran itu akan dibina di kawasan seluas kira-kira 808 hektar (2,020 ekar) - sempena Wawasan 2020 yang dihadiahkan oleh Kerajaan Sarawak kepada Kerajaan Pusat di Kampung Kubah di Km 30, Jalan Kuching-Matang, dekat sini.

Perdana Menteri akan meminta Kerajaan Pusat merancang dengan teliti corak pembangunan kawasan itu supaya ia menjadi nadi yang dapat merancakkan lagi pembangunan di negeri ini.

"Kawasan ini akan menjadi sebahagian daripada bandar Kuching yang sedang pesat membangun ini. Saya harap ia akan menjadi seperti Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Pusat di Sarawak," katanya ketika merasmikan pembukaan gerbang menandakan ulang tahun ke-40 Hari Kebangsaan di Matang, dekat sini.

Sebelum itu, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud menyampaikan geran bagi tanah itu kepada Perdana Menteri.

Gerbang peringatan yang dibina dengan kos RM900,000 dan tertera perkataan '1957 Jubli Delima Malaysia 1997' itu melambangkan kemegahan, kedaulatan dan kemuliaan Malaysia. Gerbang itu dianggap pintu masuk ke arah Wawasan 2020 dan alaf akan datang.

Seni binanya mengandungi unsur Islam, Cina dan Eropah yang mencerminkan perpaduan, kemuafakatan serta keharmonian bangsa dan Kerajaan Malaysia. Empat tiang bulatnya menggambarkan sokongan dan pertumbuhan empat dasawarsa yang dialami. Kiri dan kanan gerbang itu dilekatkan gambar Perdana Menteri Pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra dan Dr Mahathir.

Sambil menjelaskan Kerajaan Pusat jarang menerima hadiah tanah, Perdana Menteri menyifatkan sumbangan Kerajaan Sarawak itu mencerminkan hubungan erat antara Kerajaan Pusat dan negeri.

"Pembangunan kawasan ini nanti diharap memberi manfaat bukan sahaja kepada Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri tetapi juga kepada penduduk yang tinggal berhampiran kawasan ini," katanya sambil menegaskan, hubungan baik Kerajaan Pusat dan negeri adalah prasyarat kemajuan dan pembangunan.

(END)